



## **JABATAN INSOLVENSIA MALAYSIA (Mdl)**

### **KENYATAAN MEDIA**

#### **KEBENARAN PENGELUARAN WANG KWSP OLEH BANKRAP**

Selaras dengan Pelan Pemulihan Negara: Peralihan Fasa PKP Secara Berperingkat, semua pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di bawah umur 55 tahun layak untuk memohon i-Citra yang merupakan antara inisiatif terkini diumumkan Kerajaan menerusi Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Rakyat (PEMULIH). Menerusi kemudahan ini, pencarum yang layak boleh mengeluarkan sehingga maksimum RM5,000 tertakluk kepada jumlah baki di dalam Akaun 1 dan 2. Jumlah pengeluaran yang diluluskan akan dibayar untuk tempoh sehingga lima bulan dengan bayaran bulanan sebanyak RM1,000 sebulan tertakluk kepada baki simpanan atau minimum RM50. Permohonan boleh dibuat bermula 15 Julai 2021.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) telah memutuskan untuk melaksanakan inisiatif selari dengan keputusan Kerajaan iaitu untuk membenarkan pengeluaran wang caruman KWSP oleh bankrap berumur bawah 55 tahun tertakluk kepada kadar maksimum RM1,000 sebulan untuk tempoh selama 5 bulan. Permohonan pengeluaran wang caruman tersebut hendaklah dibuat secara terus kepada KWSP. Bankrap tidak perlu memohon atau mendapatkan kebenaran daripada Mdl untuk permohonan ini.

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh disalurkan ke emel cawangan-cawangan Mdl atau melalui talian 03 8885 1361 / 1221 / 1321 / 1288 / 1065.

Sekian, terima kasih.

**JABATAN INSOLVENSIA MALAYSIA**

**29 Jun 2021**